KENYATAAN MEDIA
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

Sambutan Hari Warga Emas Putrajaya 2026
"Perkasa Agenda Penuaan Aktif dan Kesejahteraan Warga Emas"

11 Oktober 2026

---

1. PUTRAJAYA - Perbadanan Putrajaya (PPj) meneruskan komitmen dalam memperkasa kesejahteraan warga emas menerusi penganjuran Sambutan Hari Warga Emas Putrajaya 2026 yang memberi penekanan kepada aspek kesihatan, penuaan aktif, penglibatan sosial serta pengiktirafan terhadap sumbangan golongan tersebut dalam pembangunan keluarga dan komuniti.

2. Perubahan keperluan penduduk seiring dengan peningkatan usia menuntut pendekatan yang lebih menyeluruh bagi memastikan warga emas terus menikmati kehidupan yang sihat, aktif, selamat dan bermakna. Selain akses kepada maklumat kesihatan dan perkhidmatan sokongan, peluang untuk berinteraksi, mengekalkan hubungan sosial serta melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan juga penting dalam menyokong kesejahteraan mereka. Sehubungan itu, usaha membina persekitaran yang mesra warga emas memerlukan kerjasama berterusan antara agensi kerajaan, keluarga dan komuniti.

3. Program sambutan ini merangkumi pameran di Lobi Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin (TAZA) serta majlis perasmian di Dewan Sri Melati, PPj. Penganjuran ini menjadi platform untuk menghargai warga emas di samping menggalakkan penglibatan aktif mereka dalam aspek kesihatan, rekreasi, pembelajaran, sosial dan kemasyarakatan. Inisiatif ini turut meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan mewujudkan persekitaran yang inklusif, mesra warga emas dan menyokong mereka untuk terus menjalani kehidupan yang berkualiti.

4. Sambutan ini menghimpunkan kira-kira 1,000 pengunjung yang terdiri daripada warga emas, ahli keluarga, penjaga (*caregivers*) dan komuniti Putrajaya. Penglibatan pelbagai lapisan masyarakat ini membuka ruang kepada warga emas untuk berinteraksi, berkongsi pengalaman dan memperluas jaringan sosial, di samping menggalakkan keluarga serta komuniti memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyokong kesejahteraan mereka.

5. Pelbagai pengisian disediakan sepanjang program, antaranya pameran dan pemeriksaan kesihatan, slot Nenek Bercerita, demonstrasi masakan serta aktiviti berkaitan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). Pengisian program turut merangkumi tujuh zon utama, iaitu Zon Saringan Kesihatan, Zon Penuaan Aktif, Zon Pemakanan Sihat, Zon Kesihatan Kognitif, Zon Keluarga dan Penjaga, Zon Sosial dan Komuniti serta Zon Perkhidmatan dan Kebajikan.

6. Melalui pengisian ini, warga emas berpeluang mendapatkan maklumat berkaitan kesihatan, mengenali sumber sokongan yang tersedia dan menyertai aktiviti yang menggalakkan interaksi sosial serta perkongsian pengalaman. Usaha ini diharap dapat menyokong warga emas untuk terus berdikari, mengekalkan keyakinan diri dan memainkan peranan bermakna dalam keluarga serta komuniti. Pada masa yang sama, penglibatan ahli keluarga dan masyarakat diharap dapat memupuk budaya menghormati, memahami dan menyokong keperluan warga emas dalam kehidupan seharian.

7. Sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan dan penglibatan warga emas dalam pembangunan keluarga serta komuniti, sambutan tahun ini turut menyaksikan penyampaian Anugerah Seri Emas Sejahtera Putrajaya 2026. Anugerah ini merangkumi sepuluh (10) kategori dengan seramai lima belas (15) penerima sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan, komitmen dan penglibatan aktif mereka dalam pembangunan komuniti.

8. Anugerah ini diwujudkan bagi mengiktiraf warga emas yang kekal aktif, produktif dan prihatin serta menjadi inspirasi kepada masyarakat. Pengiktirafan ini menzahirkan penghargaan terhadap peranan warga emas bukan sekadar sebagai penerima manfaat, malah sebagai individu yang terus menyumbang pengalaman, kepakaran, masa dan tenaga demi kesejahteraan komuniti. Setiap penerima anugerah akan menerima wang tunai sebanyak RM1,000.00 berserta sebuah trofi.

9. Penganjuran program ini turut mendapat kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pusat Kajian Penuaan Sihat dan Kesejahteraan (H-Care), serta persatuan-persatuan warga emas di Putrajaya. Kerjasama ini memperkukuh pelaksanaan program melalui perkongsian kepakaran akademik, sokongan teknikal dan penglibatan komuniti secara langsung.

10. Sambutan Hari Warga Emas Putrajaya 2026 diharap dapat terus memperkukuh peranan warga emas sebagai anggota masyarakat yang aktif, produktif dan dihargai. Penganjuran ini juga diharap dapat menyumbang kepada pembentukan komuniti yang lebih prihatin dan inklusif, di samping memastikan warga emas terus mendapat ruang, peluang dan sokongan untuk menjalani kehidupan yang sihat, berdikari dan bermaruah serta terus menyumbang kepada pembangunan Putrajaya.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

MALAYSIA MADANI